**Soalan Lazim: Kempen 'QR Warrior' GXBank**
Tarikh berkuat kuasa: 1 Disember 2024

<table>
<tr><th>Soalan</th><th>Jawapan</th></tr>
<tr><td>Apakah kempen ini?</td><td>Kempen 'QR Warrior' GXBank ("Kempen") ini dianjurkan oleh GX Bank Berhad ("GXBank"") dengan kerjasama Payments Network Malaysia Sdn Bhd ("PayNet") dan akan berlangsung dari 1 Disember 2024 hingga 31 Januari 2025 (termasuk kedua-dua tarikh) atau setelah mencapai Had Maksimum, yang mana lebih awal, atau seperti yang ditentukan oleh GXBank dengan notis terlebih dahulu ("Tempoh Kempen").<br><br>Nota Penting:<br>Kempen ini mempunyai had maksimum 45,000 Ganjaran Kempen setiap bulan kempen ("Had Maksimum"). Terdapat dua (2) bulan kempen, seperti berikut ("Bulan Kempen"):<br><table><tr><th>Bulan Kempen</th><th>Tempoh Bulan Kempen</th></tr><tr><td>Bulan Kempen 1</td><td>1 - 31 Disember 2024</td></tr><tr><td>Bulan Kempen 2</td><td>1 - 31 Januari 2025</td></tr></table></td></tr>
<tr><td>Adakah saya layak menyertai kempen ini?</td><td>Kelayakan Kempen:<br>Kempen ini terbuka kepada semua pelanggan individu GXBank yang mempunyai Akaun GX ("Pelanggan yang Layak").</td></tr>
<tr><td>Apakah ganjaran kempen dan bagaimana saya boleh mendapatkannya?</td><td>Ganjaran Kempen:<br>Ganjaran Pulangan Tunai RM5<br><br>Kriteria Kelayakan:<br>Untuk menerima Ganjaran Kempen, anda mesti:<br>1. mempunyai Akaun GX sedia ada dalam kedudukan yang baik; dan<br>2. melengkapkan sekurang-kurangnya lima (5) pembayaran QR DuitNow dengan jumlah minimum RM30 setiap transaksi, dalam satu Bulan Kempen. Transaksi pembayaran QR DuitNow ini mesti dibuat dengan menggunakan aplikasi mudah alih GXBank anda ("Aplikasi GX") untuk mengimbas kod QR DuitNow statik peniaga.<br><br>Nota Penting:<br>1. Anda layak menerima Ganjaran Kempen ini sekali bagi setiap Bulan Kempen, sehingga maksimum dua Ganjaran Kempen (2) sepanjang Tempoh Kempen penuh.<br>2. Kempen ini mempunyai Had Maksimum 45,000 Ganjaran Kempen setiap Bulan Kempen.<br><br>Ilustrasi Kelayakan Ganjaran Kempen:<br><table><tr><th>Ilustrasi</th><th>Kelayakan Ganjaran Kempen</th></tr><tr><td colspan="2">Pelanggan A</td></tr><tr><td>Bulan kempen 1<br>• Melengkapkan 5x pembayaran QR DuitNow, setiap transaksi dengan jumlah minimum RM30, menggunakan Aplikasi GX.</td><td>Bulan kempen 1<br>• Layak untuk Ganjaran Kempen, jika Had Maksimum belum dicapai selepas melengkapkan Kriteria Kelayakan.</td></tr></table></td></tr>
</table>

GXBank

<table>
<tr>
<td></td>
<td>
<table>
<tr>
<td>Bulan kempen 2<ul><li>Melengkapkan 8x pembayaran QR DuitNow, setiap transaksi dengan jumlah minimum RM30, menggunakan Aplikasi GX.</li></ul></td>
<td>Bulan kempen 2<ul><li><u>Layak</u> untuk Ganjaran Kempen, jika Had Maksimum belum dicapai selepas melengkapkan Kriteria Kelayakan.</li></ul></td>
</tr>
<tr><td colspan="2">Pelanggan B</td></tr>
<tr>
<td>Bulan kempen 1<ul><li>Melengkapkan 5x pembayaran QR DuitNow, setiap transaksi dengan jumlah minimum RM15, menggunakan Aplikasi GX.</li></ul>Bulan kempen 2<ul><li>Melengkapkan 6x pembayaran QR DuitNow, setiap transaksi dengan jumlah minimum RM30, menggunakan Aplikasi GX.</li></ul></td>
<td>Bulan kempen 1<ul><li><u>Tidak layak</u> untuk Ganjaran Kempen.</li><li>Nota: Jumlah bayaran minimum sebanyak RM30 bagi setiap transaksi diperlukan (rujuk Kriteria Kelayakan di atas).</li></ul>Bulan kempen 2<ul><li><u>Layak</u> untuk Ganjaran Kempen, jika Had Maksimum belum dicapai selepas melengkapkan Kriteria Kelayakan.</li></ul></td>
</tr>
<tr><td colspan="2">Pelanggan C</td></tr>
<tr>
<td>Bulan kempen 1<ul><li>Tidak membuat sebarang pembayaran QR DuitNow menggunakan Aplikasi GX.</li></ul>Bulan kempen 2<ul><li>Melengkapkan 4x pembayaran QR DuitNow, setiap transaksi dengan jumlah minimum RM30, menggunakan Aplikasi GX.</li></ul></td>
<td>Bulan kempen 1<ul><li><u>Tidak layak</u> untuk Ganjaran Kempen.</li></ul>Bulan kempen 2<ul><li><u>Tidak layak</u> untuk Ganjaran Kempen.</li><li>Nota: Anda mesti melengkapkan sekurang-kurangnya lima (5) pembayaran QR DuitNow (rujuk Kriteria Kelayakan di atas).</li></ul></td>
</tr>
</table>
</td>
</tr>
<tr>
<td>Bilakah saya akan menerima ganjaran kempen?</td>
<td>Ganjaran Kempen ini akan dikreditkan ke Akaun GX Pelanggan yang Layak pada penghujung hari berikutnya, selepas Pelanggan yang Layak berjaya melengkapkan Kriteria Kelayakan.<br><br>Dalam kes luar biasa, pengkreditan Ganjaran Kempen boleh mengambil masa sehingga dua (2) minggu selepas selesai Kriteria Kelayakan.</td>
</tr>
<tr>
<td>Di manakah terma dan syarat penuh kempen?</td>
<td>Anda boleh mendapatkan terma dan syarat penuh di sini: https://www.gxbank.my/campaign-tnc</td>
</tr>
<tr>
<td>Siapa boleh saya hubungi jika saya mempunyai soalan lanjut?</td>
<td>Untuk maklumat lanjut, pertanyaan, maklum balas dan/atau sokongan, sila hubungi Sokongan Pelanggan GXBank melalui sembang dalam Aplikasi GX. Sebagai alternatif, anda boleh menghubungi kami di +603 7498 3188 atau e-mel kami di ask@gxbank.my.</td>
</tr>
</table>